

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pemohon Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan berapakah rumah yang dibina menerusi skim ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima lebih 830,000 permohonan di seluruh negara. Bilangan ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak projek pembangunan PR1MA dilancarkan kelak. Selain itu, PR1MA juga menjangkakan peningkatan jumlah permohonan sejajar dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2015 berkenaan kenaikan kelayakan julat pendapatan isi rumah pemohon terkini iaitu RM 2,500 – RM 10,000 sebulan. Semoga dengan peningkatan ini, lebih ramai rakyat yang akan menerima manfaat daripada aspirasi penubuhan PR1MA.

Seperti mana yang sedia maklum, mandat PR1MA adalah untuk menyediakan 500,000 unit rumah. Oleh itu, PR1MA telah dimandatkan supaya menyediakan 80,000 rumah setahun untuk 3 tahun berturut-turut dengan jumlah keseluruhan sebanyak 240,000 unit rumah dalam tempoh tersebut. Dalam merealisasikan sasarannya, PR1MA pada masa ini sedang rancak melaksanakan mandat yang telah diberikan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.